

Urbanization and Quality of Life: A Comprehensive Literature

Urbanisasi dan Kualiti Hidup: Satu Kajian Literatur Komprehensif

Norizan Rameli^{1*}, Fariha Ramli², Dani Salleh²

¹Centre for General Studies and Co-curricular,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, MALAYSIA

²School of Government, College of Law, Government and International Studies (COLGIS),
Universiti Utara Malaysia, MALAYSIA

*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/jstard.2019.01.02.004>

Received 29 September 2019; Accepted 22 November 2019; Available online 17 December 2019

Abstract: Urbanization is a process that affects economic and social development of developing countries. The urbanization processes arisen not only comprises the issue of migration among the residents, but also involves the social environment transformations of the people in the city. Urban evolution has a positive and negative impact on urban residents. Malaysian life quality index assess the level of income, physical well-being, psychology and social, health, safety, housing, education, environment, culture and recreation, transportation and communication. Urbanization and quality of life exhibits an ongoing structure to achieve sustainable development. Despite this, emphasis still needs to be given on equality, fairness and freedom in pursuing the quality of social life in the city.

Keywords: Urbanization, quality of life, economic development, city, migration

Abstrak: Urbanisasi merupakan proses yang memberi kesan kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara membangun. Proses perbandaran yang berlaku bukan sahaja melibatkan penghijrahan dalam kalangan penduduk, bahkan proses ini turut membabitkan perubahan terhadap persekitaran sosial penduduk di bandar. Evolusi bandar memberi impak positif dan negatif kepada penduduk bandar. Penelitian Indeks Kualiti Hidup Malaysia menjadi indikator menilai tahap pendapatan, kesejahteraan fizikal, psikologi dan sosial, kesihatan, keselamatan, perumahan, pendidikan, alam sekitar, budaya dan rekreasi, pengangkutan serta komunikasi. Kontinum urbanisasi dan kualiti hidup telah memperkenalkan suatu struktur yang berterusan untuk mencapai pembangunan mampan. Walaupun demikian, penekanan masih perlu diberikan tentang kesamarataan, keadilan dan kebebasan dalam mengejar kualiti hidup sosial di bandar.


Kata Kunci: Urbanisasi, kualiti hidup, pembangunan ekonomi, bandar, migrasi

1. Pengenalan

Urbanisasi merupakan fenomena sosial yang berlaku pada hari ini dan ia telah menjadi trend global di mana tidak ada negara yang dapat mengelaknya terutama negara yang mengalami pertumbuhan yang cepat seperti Malaysia. Proses urbanisasi yang melibatkan penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar menyebabkan berlaku perkembangan kawasan bandar sedia ada secara besar-besaran. Menurut Dociu dan Dunarintu (2012), pertumbuhan ini berlaku disebabkan oleh pertumbuhan angka penduduk hasil penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar. Moreno (2017) mendefinisikan urbanisasi atau perbandaran sebagai berlakunya perluasan dan perkembangan kawasan bandar sehingga sempadan bandar sudah melebihi kawasannya dan tidak dapat dikenal pasti. Pada hari ini, proses urbanisasi berlaku dengan pantas ekoran perkembangan pembangunan sains dan teknologi selain daripada penyediaan kemudahan dan keperluan rakyat di kawasan bandar menyebabkan berlakunya migrasi penduduk dari luar bandar ke bandar (Haris, 2015).

Laporan media Bank Dunia pada tahun 2015 menunjukkan Malaysia merupakan salah sebuah negara yang mengalami proses urbanisasi pesat di rantau Asia Tenggara dengan kadar pertumbuhan penduduk di bandar kian meningkat (Bank Dunia, 2015). Penduduk di Bandaraya Kuala Lumpur meningkat dalam tempoh 2000 hingga 2010 adalah daripada 10.2 juta (43% daripada jumlah penduduk) kepada 15 juta (53%), menjadikannya antara negara yang mengalami proses urbanisasi lebih pesat dan ekonomi di rantau ini dalam konteks demografi, selepas Jepun, Republik Korea, Singapura, Taiwan, dan China. Kadar pertumbuhan penduduk bandar pula menunjukkan purata 4.0% setahun, termasuk yang terpantas di rantau ini, hanya diatas oleh Laos, Kemboja (kedua-duanya mempunyai penduduk bandar yang jauh lebih kecil), dan Vietnam (Bank Dunia, 2015).

Rajah 1 - Kadar Urbanisasi Malaysia 2007 hingga 2017



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019

Proses urbanisasi telah dikaitkan dengan aspek penting lain seperti ekonomi, sosial, dan alam sekitar. Kehidupan bandar sering dikaitkan dengan kadar celik huruf yang lebih tinggi dan pendidikan, keadaan kesihatan yang lebih baik, akses yang lebih baik kepada perkhidmatan sosial dan ekonomi, serta peningkatan peluang untuk penyertaan budaya dan politik (United Nation, 7 Februari 2017). Walau bagaimanapun, pertumbuhan bandar yang pesat dan tidak dirancang serta pengembangan bandar mengancam pembangunan mampan apabila infrastruktur yang diperlukan tidak dibangunkan atau apabila polisi tidak dilaksanakan dengan baik. Perkembangan ini menyebabkan ketidakseimbangan pembangunan, pencemaran, dan kemasuhan alam sekitar yang memberi kesan secara langsung kepada isi bandar. Isu yang timbul kesan dari proses urbanisasi ini perlu ditangani secara holistik bagi memastikan peranan pusat bandar sebagai nadi pertumbuhan ekonomi akan terus dikekalkan dan dipertingkatkan (Jusoh & Rashid, 2008). Proses urbanisasi ini memberi kesan kepada kualiti hidup dan kebolehhidupan penduduk sama ada di bandar maupun luar bandar. Implikasi urbanisasi secara positif atau negatif yang menjelaskan kesejahteraan rakyat akan diketahui apabila kajian dilaksanakan.

Oleh demikian, wujud persoalan, adakah urbanisasi yang berlaku begitu pantas di negara ini memberi kesan kepada kualiti hidup isi bandar? Persoalan ini akan cuba dirungkai melalui kertas kerja ini berasaskan kepada kajian literatur. Malaysia melalui Dasar Perbandaran Negara 2 (DPN 2) telah mengatur visi bagi mewujudkan bandar yang mampan untuk kesejahteraan rakyat. DPN 2 menumpukan kepada urus tadbir bandar yang baik dan cekap, di samping memastikan segala keperluan masyarakat bandar dapat dipenuhi secara optimum bagi memastikan kualiti kehidupan di bandar berada pada tahap yang terbaik. Tujuan utama kertas kerja ini adalah untuk memberi gambaran literatur tentang implikasi urbanisasi terhadap kualiti hidup di bandar. Kertas kerja ini mengandungi enam bahagian perbincangan iaitu pengenalan, konsep kualiti hidup, hubungan urbanisasi dan kualiti hidup, pengukuran kualiti hidup, indeks kualiti hidup Malaysia dan penutup.

2. Definisi dan Konsep Urbanisasi dan Kualiti Hidup

Ahli akademik memberi definisi bandar berdasarkan beberapa kriteria seperti O'Connor (1980) yang mengatakan bahawa definisi bandar merupakan sesuatu yang ditetapkan oleh Jabatan Statistik bagi sesebuah negara di mana definisi yang ditetapkan termasuklah sempadan wilayah atau kawasan pentadbiran dan jumlah penduduk. Jabatan Perangkaan Malaysia (2011) telah mendefinisikan ‘bandar’ di dalam Banci 2010 sebagai:

“Kawasan yang diwartakan serta kawasan tepu bina yang bersempadan dengannya dan gabungan kedua-dua kawasan ini mempunyai penduduk 10,000 orang atau lebih semasa Banci 2010” atau “kawasan pembangunan khusus yang boleh dikenal pasti kawasannya yang mana sekurang-kurangnya mempunyai penduduk 10,000 orang dan sekurang-kurangnya 60 peratus penduduknya yang berumur 15 tahun dan ke atas terlibat dalam aktiviti bukan pertanian.”

Jabatan Perangkaan Malaysia (2011) mentakrifkan kawasan tepu bina sebagai kawasan yang terletak bersebelahan kawasan yang diwartakan serta mempunyai tidak kurang daripada 60 peratus penduduk (berumur 15 tahun atau lebih) terlibat dalam aktiviti bukan pertanian. Kajian tepu bina dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia adalah untuk mengenal pasti dan mengkaji BP-BP (Blok Perhitungan) tepu bina bagi tahun 2010. Kawasan yang dikenal pasti sebagai tepu bina dikemaskini supaya selaras dengan ciri-ciri/definisi bandar yang telah dinyatakan. Seterusnya, setiap BP dikelaskan kepada empat strata seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 manakala kawasan luar bandar terdiri daripada Strata 3 dan Strata 4. Data dari Jabatan Perangkaan Malaysia (2019) menunjukkan kadar urbanisasi negara pada tahun 2019 adalah pada kadar 76.2 peratus. Ini jelas menggambarkan Malaysia pada hari ini dimonopoli oleh kawasan bandar.

Jadual 1: Pengelasan Strata Bagi Banci Penduduk dan Perumahan 2010

Strata	Bilangan Penduduk
Strata 1	75,000 dan lebih
Strata 2	10,000 hingga 74,999
Strata 3	1,000 hingga 9,999
Strata 4	Kurang dari 1,000

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2011

Bandar turut didefinisikan berdasarkan kepada guna tanah dan fungsi bandar seperti guna tanah bagi aktiviti bukan pertanian serta mempunyai fungsi sebagai hab bagi aktiviti perniagaan, perdagangan, pentadbiran, kebudayaan, dan pendidikan (Breese, 1966). Kriteria yang popular untuk mendefinisikan bandar adalah berdasarkan saiz penduduk. Carter (1990), Knowles dan Wareing (1976), Detwiger dan Marcus (1972), dan Dortman (1974) berpendapat definisi bandar berkait rapat dengan populasi yang menghuninya. Sesuatu kawasan itu dipanggil bandar setelah ia mencapai kepadatan penduduk minimum yang telah ditetapkan oleh sesebuah negara (Knowles & Wareing: 1976) manakala Detwiger dan Marcus (1972) mengaitkan bandar sebagai satu unit politik, tempat tinggal, atau lain-lain struktur yang melibatkan penduduk. Dortman (1974) memberi definisi bandar sebagai sebuah kawasan yang menjadi tumpuan kepada kegiatan penduduk, ekonomi, dan pelbagai jenis penggunaan tanah. Badan Kesihatan Dunia (WHO) memberi gambaran yang populasi di kawasan bandar pada tahun 2014 adalah sebanyak 54 peratus daripada jumlah penduduk di peringkat global. Angka ini meningkat dari 34 peratus pada tahun 1960, dan jumlah ini dikatakan akan terus berkembang (Badan Kesihatan Dunia, 2015). Pertumbuhan penduduk bandar, dalam jumlah yang mutlak adalah tertumpu di negara membangun dan negara dunia ketiga, kawasan kurang maju di dunia dan pada tahun 2017, majoriti penduduk akan tinggal di kawasan bandar. Badan Kesihatan Dunia (2015) menganggarkan populasi bandar akan meningkat sebanyak 1.63 peratus setahun antara 2020 dan 2025, dan 1.44 peratus setahun antara 2025 dan 2030.

Proses urbanisasi didefinisikan oleh Shaban dan Abdallah (2006) sebagai proses perubahan dalam pertumbuhan sosioekonomi di kawasan pusat bandar yang menghasilkan pertambahan penduduk dan aktiviti ekonomi di kawasan pusat bandar. Hal ini menjelaskan urbanisasi merupakan proses yang melibatkan perubahan terhadap sosioekonomi di pusat bandar di mana berlaku pertumbuhan dan perkembangan kegiatan ekonomi. Perbandaran menurut Detwiger dan Marcus (1972) pula adalah proses di mana sesebuah bandar itu berkembang. Istilah ini menggambarkan peningkatan penduduk di bandar yang disebabkan oleh pertumbuhan dalaman dan penghijrahan penduduk dari luar bandar serta pengembangan ruang bandar. Bagi Dear dan Scott (1981), proses urbanisasi melalui dua peringkat iaitu peringkat membentuk sistem di bandar yang membabitkan proses penghijrahan dan perubahan; dan dibentuk daripada setiap individu yang ada di bandar termasuklah sistem fizikal, fungsi kawasan, dan lokasi.

Berasaskan kepada beberapa definisi yang telah dibincangkan, dapat dikatakan bandar merupakan suatu kawasan yang menjadi tumpuan penduduk di mana jumlah penduduk bandar sentiasa meningkat dan ia mempunyai pelbagai aktiviti penggunaan tanah seperti perumahan, perniagaan, dan sebagainya dan ia berlaku hasil daripada proses

urbanisasi. Definisi ini memberi penjelasan yang bandar memainkan peranan sebagai tempat yang menawarkan kehidupan selesa, terancang dan memberikan peluang pekerjaan, pelajaran, hidup berbudaya, dan tempat rekreasi. Walaupun definisi bandar menyebut kepada peningkatan penduduk, namun ia bukanlah hanya menumpukan kepada aspek populasi sahaja, bahkan dalam ‘proses urbanisasi’, ia terkait dengan aspek lain yang sehubungannya termasuk ekonomi, perumahan, rangkaian pengangkutan, infrastruktur, penggunaan tanah, sosiobudaya dan fizikal serta pembangunan bandar secara keseluruhannya. Seterusnya, pertumbuhan ini membabitkan ‘proses keruangan’ yang mana ia membawa kepada perubahan konsentrasi penghuni bandar jika dibandingkan dengan kawasan luar bandar. Hal ini membawa kepada tumpuan pelbagai aktiviti ekonomi terutama sekunder, tertiari, dan kuaternari, yang menumpukan pelbagai institusi, organisasi masyarakat, serta pelbagai perubahan tingkah laku manusia memaut kepada ciri-ciri kebandaran yang moden dan kompleks. Hal ini sudah tentu memberi kesan kepada kualiti hidup sosial penduduk bandar.

Kualiti hidup sosial adalah istilah yang menyeluruh untuk kualiti pelbagai domain dalam kehidupan (Gregory, Johnston, Pratt, Watts, & Whatmore, 2011). Ia adalah tahap standard yang terdiri daripada harapan individu atau masyarakat untuk kehidupan yang baik. Harapan ini dipandu oleh nilai-nilai, matlamat, serta konteks sosiobudaya di mana seseorang individu itu tinggal. Persoalan berkenaan kualiti adalah sangat penting untuk masyarakat yang baik dan kehidupan yang baik telah menarik para pemikir merentas masa dan budaya. Contohnya, dalam ‘Aristotle Ethic’s’ iaitu konsep eudaimonia di mana individu dipanggil untuk merealisasikan potensi mereka sepenuhnya untuk mencapai ‘kehidupan yang baik’ (Kraut, 2018). Ahli falsafah Timur pula menekankan sifat menahan keinginan individu dan menetapkan ideologi yang menggalakkan pengagihan sumber yang sama dalam kalangan individu (Diener & Suh, 1997). Kant (2003) pula menggesa setiap individu untuk mencapai masyarakat yang baik dengan bertindak secara moral supaya tindakan mereka dapat menjadi asas kepada undang-undang universal. Agenda yang mencabar yang dibawa oleh trend terkini dalam sains sosial dan tingkah laku adalah untuk merancang cara saintifik bagi mengukur kualiti hidup sosial.

Kualiti hidup sosial merupakan konsep yang subjektif, multidimensi yang mentakrifkan tahap standard untuk kesejahteraan emosi, fizikal, bahan dan sosial (Costanza dll, 2011). Kualiti hidup sosial berfungsi sebagai rujukan di mana individu mahupun kelompok masyarakat dapat mengukur indikator yang berbeza dalam kehidupan mereka. Ini menunjukkan seseorang individu itu mencapai tahap piawai kehidupan yang diingini adalah berbeza, di mana indikator-indikator ini memberikan kepuasan dan menyumbang kepada kesejahteraan subjektif seseorang, dan ia disebut sebagai kepuasan hidup. Walaupun pelbagai definisi dan indikator digunakan bagi menentukan kualiti hidup sosial, namun ia menjadi lambang kepada kemajuan negara (Peterson & Malhotra, 2000). Ini bermaksud setiap penduduk mempunyai hak bagi mendapatkan serta menikmati kualiti hidup yang baik dan diperlukan.

3. Pengukuran Kualiti Hidup

Jabatan Perangkaan Malaysia menggunakan beberapa petunjuk asas untuk mengukur kualiti hidup dan kesejahteraan penduduk di peringkat kebangsaan dan negeri. Petunjuk utama yang diguna bagi melihat kualiti hidup meliputi penduduk, perumahan, kesihatan, pendidikan, pekerjaan, perkhidmatan kebajikan, keselamatan awam, serta komunikasi dan rekreasi (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019). Beberapa agensi kerajaan telah menjalankan kajian bagi mengukur kualiti hidup sosial dan kesejahteraan penduduk seperti Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD), dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Indeks kualiti hidup dan kesejahteraan penduduk oleh EPU boleh dilihat melalui Laporan Kualiti Hidup Malaysia 1999-2011 (MQLI) dan Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia manakala JPBD pula mengukur Indeks Kebahagiaan Malaysia dan bandar mampan melalui MURNInet 2.0, dan LPPKN dengan Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK).


Indeks Kualiti Hidup Malaysia diukur dengan menggunakan tahap pendapatan dan faktor bukan kewangan seperti kesejahteraan fizikal, psikologi dan sosial, kesihatan, keselamatan, perumahan, pendidikan, alam sekitar, budaya dan rekreasi, serta pengangkutan dan komunikasi. Beberapa komponen digunakan oleh EPU bagi menetapkan indeks kesejahteraan hidup iaitu kesejahteraan ekonomi, pendapatan dan pengagihan, pengangkutan, pendidikan, komunikasi, persekitaran kerja, kesejahteraan sosial, perumahan, masa lapang, keselamatan awam, tadbir urus, budaya, kesihatan, penglibatan sosial, alam sekitar, dan keluarga. Bagi MURNInet 2.0 pula, beberapa petunjuk ditetapkan mengikut sektor bagi mengukur kualiti hidup penduduk di bandar. Kerangka MURNInets 2.0 yang terdiri daripada 5 strategi, 6 dimensi, 20 tema dan 39 penunjuk dibentuk berdasarkan kepada Strategi Pembangunan Mampan yang digarap daripada dasar Wawasan 2020, Model Ekonomi Baru (MEB), Rancangan Malaysia Ke-11 (2016-2020), Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN Ke-3) dan Dasar Perbandaran Negara 2 (DPN2) (JPBD, 2019). Indeks Kesejahteraan Keluarga telah dibangunkan pada tahun 2016 bagi mengukur keadaan kesejahteraan keluarga semasa dan digunakan dalam perumusan dasar baru, perancangan untuk pelaksanaan penyelidikan masa depan, pembangunan program dan perkhidmatan baharu, dan pengembangan program sedia ada. Perkembangan IKK difokuskan pada kesejahteraan subjektif di mana semua responden diminta memberi penilaian aspek-aspek tertentu yang berkaitan dengan keluarga mereka. IKK menggunakan nilai 10 sebagai skor maksimum. Semakin tinggi skor yang diperoleh, semakin baik tahap kesejahteraan keluarga.

4. Indeks Kualiti Hidup Malaysia

MQLI 1999 merupakan ukuran komposit berdasarkan sepuluh komponen yang dipilih, iaitu, pendapatan dan pengagihan, persekitaran kerja, pengangkutan dan komunikasi, kesihatan, pendidikan, perumahan, alam sekitar, kehidupan keluarga, penyertaan sosial, dan keselamatan awam. Komponen ini dianggap sama penting bagi kesejahteraan dan kualiti hidup penduduk dan diberikan pemberat yang sama. Kemudian pada tahun 2002, MQLI kedua dihasilkan. MQLI 2002 menganalisis perubahan dalam kualiti hidup untuk tempoh 1990 hingga 2002 dengan menggunakan tahun 1990 sebagai tahun asas. Sebanyak 42 indikator digunakan dalam pengiraan Indeks yang mewakili sebelas komponen kehidupan termasuk budaya dan masa lapang. MQLI 2002 mengandungi indeks komposit untuk menilai kualiti kehidupan bandar serta persepsi masyarakat tentang usaha kerajaan dalam meningkatkannya. Kerajaan menegaskan bahawa ia sentiasa mengamalkan pendekatan pembangunan seimbang yang memberikan penekanan yang sama kepada pertumbuhan ekonomi dan kualiti hidup rakyat. Kualiti hidup di sini diukur oleh kedua-dua tahap pendapatan dan faktor bukan kewangan seperti kesejahteraan fizikal, psikologi dan sosial. Faktor-faktor bukan kewangan juga termasuk kesihatan, keselamatan, perumahan, pendidikan, alam sekitar, budaya dan rekreasi, serta pengangkutan dan komunikasi (Unit Perancang Ekonomi, 2016).

Kualiti kehidupan masyarakat Malaysia yang dihadapi dengan banyak cabaran selaras dengan proses urbanisasi yang berlaku sejak dari tahun 1970an dan kadar urbanisasi yang pesat menyebabkan beberapa petunjuk kualiti hidup perlu disemak semula (Dali, Sarkawi, & Abdullah, 2017). Laporan MQLI 2011 menggunakan 45 petunjuk daripada 11 komponen. Menurut MQLI 2011, kualiti keseluruhan kehidupan di Malaysia didapati bertambah baik dalam tempoh 2000-2010, di mana MQLI telah meningkat sebanyak 11.9 mata (2000 menjadi tahun asas pada 100 mata). Kesemua 11 komponen mencatatkan peningkatan terutamanya dalam komponen pendidikan yang mencatatkan kenaikan tertinggi sebanyak 20.4 mata, diikuti oleh pengangkutan dan komunikasi (20.3 titik), dan perumahan (15.7 mata) (Unit Perancang Ekonomi, 2016). Di antara negara Asian, Indeks Kualiti Hidup menunjukkan yang pada pertengahan tahun 2019, Malaysia berada di kedudukan ke 11 dan ke dua dalam kalangan negara Asean dengan nilai kualiti sebanyak 120.39 (numbeo.com, 2019).

Rajah 2 - Indeks kualiti hidup Asia 2019



Sumber: numbeo.com, 2019

Didorong oleh keperluan untuk mengukur kemajuan negara di luar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), MQLI telah memantau kualiti hidup Malaysia dari tahun 1999 hingga 2010. Penunjuk yang digunakan telah mengalami beberapa fasa perubahan di mana ia berkembang daripada 10 komponen dan 38 indikator kepada 11 komponen dan 45 indikator sebagai fabrik sosioekonomi masyarakat pelbagai peringkat dan untuk mencerminkan kualiti kehidupan mereka. Bagaimanapun, kerajaan merasakan bahawa terdapat keperluan untuk mengukuhkan lagi penunjuk MQLI untuk menjadi lebih menyeluruh. Oleh itu, MQLI telah dipertingkatkan dan diubahsuai ke dalam Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) pada tahun 2013 yang terdiri daripada 2 sub komposit, 14 komponen, dan 68 indikator. IKRM dibina berdasarkan kepada petunjuk domestik dan antarabangsa yang diiktiraf (Unit Perancang Ekonomi, 2016).

Keseluruhannya, prestasi IKRM menunjukkan bahawa dasar dan strategi pembangunan negara secara amnya meningkatkan tahap kesejahteraan penduduk. Walau bagaimanapun, komponen keluarga tidak mencatatkan sebarang peningkatan manakala komponen alam sekitar hanya mencatat peningkatan sebanyak 3 mata dan ini adalah sesuatu yang perlu dipertingkatkan untuk memastikan kualiti hidup masyarakat terutamanya institusi keluarga dan tahap penunjuk kesihatan dapat dilakukan dengan lebih baik pada masa akan datang. Keadaan ini dikaitkan dengan kenaikan kadar perceraian, jenayah juvana dan penyakit tidak berjangkit. Oleh itu, peningkatan kesejahteraan sosial adalah

penting bagi Malaysia untuk mencapai matlamatnya untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi bukan hanya dalam ekonomi tetapi juga dalam bidang sosial, persekitaran dan kualiti hidup secara keseluruhannya.


Jadual 2 - Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2014

Komponen	2000	2014	Perubahan
Kesejahteraan Ekonomi	100	131	31
Pendapatan dan Pengagihan	100	137	37
Pengangkutan	100	136	36
Pendidikan	100	136	36
Komunikasi	100	133	33
Persekuturan Kerja	100	114	14
Kesejahteraan Sosial	100	123	23
Perumahan	100	145	45
Masa Lapang	100	136	36
Keselamatan Awam	100	134	34
Tadbir Urus	100	133	33
Budaya	100	119	19
Kesihatan	100	118	18
Penglibatan Sosial	100	116	16
Alam Sekitar	100	103	3
Keluarga	100	100	0

Sumber: Unit Perancang Ekonomi, 2016

Pada tahun 1998, JPBD telah mendirikan aplikasi untuk mewujudkan pangkalan data dalam bentuk digital yang dapat mengukur Kemampunan Bandar yang akan memberi gambaran pencapaian kualiti rupa bentuk fizikal bagi sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan secara berterusan yang dikenali sebagai Jaringan Petunjuk Bandar Malaysia atau lebih dikenali sebagai MURNInet (JPBD, 2000). MURNInet adalah satu sistem inovatif yang menentukan tahap kemampuan kawasan bandar dengan menggunakan satu set petunjuk bandar. Ini membolehkan pengesanan status kemampuan kawasan bandar sama ada ia telah meningkat, dikurangkan, atau statik. MURNInet telah mentakrifkan kawasan bandar yang mampan sebagai satu kawasan yang mampu mengekalkan pencapaian pembangunan sosial, ekonomi dan fizikalnya disamping mengekalkan kecemerlangan dalam budaya dan alam sekitar. Pada tahun 2018, indeks kemampuan yang dikeluarkan oleh MURNInet menunjukkan 9 PBT bagi kategori Majlis Bandaraya memperoleh status mampan dan dua darinya mendapat status sederhana mampan manakala 23 daripada 33 Majlis Perbandaran menunjukkan kadar kemampuan yang mampan dan selebihnya sederhana mampan. Indeks Kebahagiaan Malaysia menunjukkan yang pada tahun 2018, kadar kebahagiaan negara ini menjunam sebanyak 45 tangga ke tangga 80 berbanding tangga 35 pada tahun sebelumnya (kapital.my, 22 Mac 2019).

Rajah 3 - Indeks Kebahagiaan Malaysia 2015 hingga 2019



Sumber: countryeconomy.com, 2019

5. Hubungan Proses Urbanisasi dan Kualiti Hidup

Ketamadunan negara dicerminkan melalui kualiti hidup sosial rakyatnya di mana ia mempunyai hubungan langsung dengan urbanisasi (Sen, 1981). Sehubungan itu, urbanisasi menjadi satu bidang yang penting untuk dititikberatkan ekoran pengaruhnya terhadap kualiti hidup penduduk bandar. Cooley (1894) melihat perkembangan sistem pengangkutan kesan daripada urbanisasi telah meningkatkan kualiti hidup masyarakat di Amerika. Weber (1926) mengatakan proses urbanisasi di Afrika berlaku kerana sistem pengangkutan dan hal ini sekali gus menjadikan kualiti hidup masyarakat setempat meningkat. Perkara ini memberi maksud urbanisasi mampu memberi kesan positif terhadap kualiti hidup isi bandar. Walau bagaimanapun, Reissman (1964) menghuraikan pembangunan yang berlaku hasil daripada proses urbanisasi dapat menghasilkan pelbagai impak negatif kepada penduduk bandar. Menurutnya, isu dan masalah daripada proses urbanisasi yang berlaku pada negara membangun merupakan perkara berulang yang pernah berlaku di negara maju terutamanya di Eropah. Kesan daripada proses urbanisasi bandar di Malaysia dapat dilihat di Kuala Lumpur, George Town, dan Johor Bahru di mana berlaku urbanisasi yang pesat sehingga menimbulkan pelbagai isu yang menjelaskan kualiti hidup penduduk di bandar tersebut.

Michalos (1996) menilai penghijrahan penduduk ke kawasan bandar dalam proses urbanisasi yang bukan sahaja berlaku dalam kalangan penduduk dari dalam negara, bahkan luar negara yang mana hal ini menimbulkan pelbagai bebanan kepada kawasan perbandaran. Berry (2008) mencadangkan beberapa kesan urbanisasi seperti kemiskinan bandar, peningkatan kadar jenayah, masalah pelupusan sisa pepejal, perumahan untuk golongan miskin, perlindungan alam sekitar, pencemaran diberi penekanan oleh kerajaan. Migrasi penduduk luar negara ke negara ini turut mencetuskan pelbagai isu sosial dan penduduk tempatan terdedah kepada isu keselamatan dan ketenteraman awam. Rashid dan Ghani (2007) menjelaskan migrasi penduduk ke bandar menyebabkan berlakunya kemiskinan di bandar. Menurut Karim (2012), urbanisasi menyebabkan masalah terhadap penyediaan perumahan yang sesuai untuk isi bandar. Kadar pertumbuhan yang tinggi di bandar menyukarkan negara untuk menampung permintaan rumah awam yang sesuai dengan kapasiti penduduk bandar (Karim, 2012).

Proses urbanisasi membawa ancaman kepada psikologi dan fizikal penduduk di bandar terutama mereka yang terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah dan tidak mempunyai modal kewangan. Mereka yang berhijrah ke bandar bertujuan untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka atas desakan kemiskinan dan kelompok ini biasanya terdiri daripada mereka yang tidak mempunyai kemahiran dan memiliki tahap pendidikan yang rendah. Hal ini menimbulkan situasi mendesak sehingga terwujudnya golongan ‘miskin bandar’ yang terdedah dengan pelbagai ancaman fizikal dan mental sekali gus memberi ancaman kepada isi bandar yang lain (Zhang, 2016). Penemuan Zainal, Kaur, Ahmad, dan Khalili (2012) dalam kajian “*Housing Conditions and Quality of Life of the Urban Poor in Malaysia*” mendedahkan yang kondisi rumah memberi pengaruh kepada kualiti hidup golongan miskin bandar di Malaysia. Penemuan tersebut memberi bukti empirikal tentang hubungan antara kemiskinan, keadaan perumahan, dan kualiti hidup. Perumahan bukan sahaja tempat perlindungan fizikal tetapi juga memainkan peranan penting dalam keadaan kesihatan fizikal, mental, dan emosi seseorang dengan dimensi kualitatif yang disediakan oleh keadaan perumahan dan persekitaran di sekeliling kawasan perumahan. Malangnya, keadaan perumahan golongan miskin bandar di Malaysia tidak mempunyai semua aspek ini dan gagal memberikan dimensi penting ini (Zainal dll., 2012).

Saiz bandar menjelaskan kualiti hidup melalui satu siri ciri-ciri dan perbezaan pendapat yang saling bertentangan dan berbeza-beza (Clark, Kahn, & Ofek, 1988). Penduduk bandar besar menerima impak negatif dari kesesakan, pencemaran, jenayah, kebisingan, perumahan yang mahal, perjalanan yang panjang dan penuh tekanan, serta kesukaran lain khususnya penduduk pusat metropolitan yang padat. Urbanisasi yang membawa kepada kemodenan mengakibatkan masyarakat bandar bersifat lebih individualistik dan proses pembangunan dan kemodenan akan mewujudkan masyarakat yang tidak hidup. Ahli sosiologi Jerman, Ferdinand Tönnies (1887) telah menghuraikan secara sistematik jenis organisasi sosial yang ideal dalam karya berpengaruhnya ‘*Gemeinschaft und Gesellschaft*’ (Masyarakat dan Syarikat). Menurutnya, manusia akan memerlukan ‘Gemeinschaft’ dan layu di ‘Gesellschaft’. Idea klasik ini menjelaskan fenomena yang berlaku pada hari ini di mana kehidupan masyarakat di bandar hanya tertumpu pada ruang lingkup mereka (pekerjaan) tanpa mempedulikan masyarakat di sekitar mereka. Fenomena ini menyebabkan timbulnya tekanan dalam kehidupan sehari-hari sekali gus menjelaskan kualiti hidup walaupun penduduk bandar menikmati keistimewaan dan kelebihan pembangunan berbanding penduduk di kawasan luar bandar.

Melihat kepada pelbagai permasalahan dan isu yang wujud ia menjelaskan yang urbanisasi memberi kesan kepada kualiti hidup penghuni bandar. Urbanisasi menyebabkan peningkatan penduduk bandar kerana pertumbuhan ini menjadi cabaran dalam memastikan pengangkutan, sanitasi, pendidikan, penjagaan kesihatan, perumahan dan utiliti yang mencukupi. Sebagai negara yang membangun, proses urbanisasi di Malaysia adalah sesuatu yang tidak dapat disebat kerana urbanisasi menjadi satu keperluan dalam menggerak ekonomi dan pembangunan negara. Pada tahun 2010 sahaja, Malaysia mempunyai 19 kawasan bandar dengan lebih daripada 100,000 orang: satu kawasan bandar lebih daripada 5 juta orang (Kuala Lumpur), dua antara 1 juta dan 5 juta orang (George Town dan Johor Bahru), lima daripada 500,000 hingga 1 juta orang, dan 11 kawasan bandar antara 100,000 hingga 500,000 orang (Bank Dunia, 2015). Perkembangan fenomena ini menimbulkan kebimbangan terhadap kesamarataan, keadilan dan kebebasan dalam mengejar kualiti hidup sosial di bandar.

6. Kesimpulan

Urbanisasi yang membawa kepada kepesatan pembangunan negara dilihat memberikan pelbagai kesan kepada kualiti hidup. Sungguhpun tujuan asal penghijrahan penduduk ke bandar adalah untuk meningkatkan kualiti hidup namun hakikatnya mereka mempertaruhkan kualiti hidup mereka. Kualiti hidup dan kebolehhidupan penduduk bandar adalah perkara yang berbeza kepada orang yang berbeza, namun secara asasnya keperluan asas mereka tetap sama. Perbezaan utama mungkin hanya dari segi kuantiti, kualiti, dan kemampuan. Namun, perkara penting bagi semua orang adalah untuk menikmati standard kehidupan yang berkualiti demi keselamatan diri dan keluarga, kesihatan, pengangkutan yang baik, rumah yang selesa dan kebahagiaan keseluruhan. Walaupun urbanisasi membawa kepada perkembangan positif, keperluan kualiti kehidupan sosial perlulah dititikberatkan bagi mengelakkan kesan negatif perbandaran yang boleh menganggu kehidupan isi bandar.

References

- Allen, L. R. (1991). Benefits of leisure services to community satisfaction. Dalam *Benefits of leisure* (hlm. 331-350). Pennsylvania: State College.
- Badan Kesihatan Dunia. (2015). *Global Health Observatory (GHO) data*. Geneva: Badan Kesihatan Dunia. Didapatkan November 25, 2019, daripada https://www.who.int/gho/urban_health/situation_trends/urban_population_growth_text/en/
- Bank Dunia . (2015). *Malaysia among Most Urbanized Countries in East Asia*. Didapatkan November 23, 2019, daripada [worldbank.org: https://www.worldbank.org/en/news/feature/2015/01/26/malaysia-among-most-urbanized-countries-in-east-asia](https://www.worldbank.org/en/news/feature/2015/01/26/malaysia-among-most-urbanized-countries-in-east-asia)
- Berry, B. J. (2008). Urbanization. Dalam *Urban ecology* (hlm. 25-48). Boston: Springer.
- Breese, G. (1966). *Urbanization in newly developing countries*. Englewood Cliffs: Prentice-Hall.
- Carter, H. (1990). *Urban and rural settlements*. New York: Longman.
- Clark, D., Kahn, J. R., & Ofek, H. (1988). City size, quality of life, and the urbanization deflator of the GNP: 1910-1984. *Southern Economic Journal*, 54(3), 701-714.
- Cooley, C. H. (1894). The theory of transportation. *Publications of the American Economic Association*, 9(3), 13-148.
- Costanza, R., Fisher, B., Ali, S., Beer, C., Bond, L., Boumans, R., . . . Dickinsonf, J. (2007). Quality of life: An approach integrating opportunities, human needs, and subjective well-being. *Ecological economics*, 61(2-3), 267-276.
- countryeconomy.com. (2019). *Malaysia - World Happiness Index*. Didapatkan November 23, 2019, daripada countryeconomy.com: <https://countryeconomy.com/demography/world-happiness-index/malaysia>
- Dali, N. M., Sarkawi, A. A., & Abdullah, A. (2017). An Analytical Study of Malaysia's Quality of Life Indicators. *Journal of Business and Economics*, 8(6), 488-498.
- Dear, M., & Scott, A. J. (1981). Towards a framework for analysis. Dalam *Urbanization and urban planning in capitalist society* (hlm. 3-16). London: Routledge.
- Detwyler, T. R., & Marcus, M. G. (1972). Urbanization and Environment. Dalam *The Physical Geography of the City* (hlm. 10). California: Belmont.
- Diener, E., & Suh, E. (1997). Measuring Quality of Life: Economic, Social, and Subjective Indicators. *Social Indicators Research*, 40(1/2), 189-216.
- Dociu, M., & Dunarintu, A. (2012). The socio-economic impact of urbanization. *International Journal of Academic Research in Accounting, Finance and Management Sciences*, 2(1), 47-52.
- Dorfman, R. (1976). An afterword: humane values and environmental decisions. Dalam *When Values Conflict* (hlm. 153-173). Cambridge: Ballinger Publishing.
- Eckersley, R. (2000). The state and fate of nations: Implications of subjective measures of personal and social quality of life. *Social Indicators Research*, 52(1), 3-27.
- Gregory, D., Johnston, R., Pratt, G., Watts, M., & Whatmore, S. (2011). *The dictionary of human geography*. Oxford: John Wiley & Sons.
- Haris, A. (2015). Studi Media dan Perpustakaan Tentang Urbanisasi. *Jupiter*, 14(1), 60-65.
- Jabatan Perangkaan Malaysia . (2011). *Definisi Bandar dan Luar Bandar Oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Banci Penduduk dan Perumahan 2010*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia. Didapatkan November 25, 2019, daripada <http://www.rurallink.gov.my/wp-content/uploads/2015/05/23.pdf>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019). *Social Statistics Bulletin Malaysia 2018*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia. Didapatkan November 26, 2019, daripada https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=152&bul_id=NU5hZTRkOSs0RVZwRytTRE5zSitLUT09&menu_id=U3VPMldoYUxzVzFaYmNkWXZteGduZz09
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019). *Statistik Terkini Dan Data Banci*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia. Didapatkan November 25, 2019, daripada <https://www.mycensus.gov.my/banci/www/index.php>

- JPBD. (2000). *MURNInet*. Didapatkan November 27, 2019, daripada PlanMalaysia: <https://jpbd.johor.gov.my/index.php/perkhidmatan/murninet>
- JPBD. (2019). *Senarai Dimensi, Tema dan Penunjuk MURNInets 2.0 (Kemas Kini 2019)*. Kuala Lumpur: Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia. Didapatkan November 27, 2019, daripada http://murninet.townplan.gov.my/murninetsv2/uploads/Senarai%20Penunjuk%20MURNInets%202.0_Update%20versi%20202019.pdf
- Jusoh, H., & Rashid, A. A. (2008). Efficiency in Urban Governance towards Sustainability and Competitiveness of City: A Case Study of Kuala Lumpur. *World Academy of Science, Engineering and Technology* (hlm. 4-6). Paris : WASET.
- Kant, I. (2003). *Observations on the Feeling of the Beautiful and Sublime*. California : Univ of California Press.
- kapital.my. (2019, Mac 22). *Indeks Kebahagiaan Dunia: Malaysia Jatuh Dari Kedudukan 35 Kepada 80 Dalam Tempoh Setahun*. Didapatkan November 23, 2019, daripada kapital.my: <https://kapital.my/2019/03/indeks-kebahagiaan-dunia-malaysia-jatuh-dari-kedudukan-35-kepada-80-dalam-tempoh-setahun/>
- Karim, H. A. (2012). Urbanisasi dan Kualiti Hidup. Dalam *Perancangan dan Pembangunan Bandar* (hlm. 11-38). Shah Alam: UiTM Press.
- Knowles, R., & Wareing, J. (1976). *Economic and social geography*. Oxford: Elsevier.
- Kraut, R. (2018). Aristotle's Ethics. Dalam *The Stanford Encyclopedia of Philosophy* (ed. Summer 2018). Stanford University: Metaphysics Research Lab. Didapatkan November 25, 2019, daripada <https://plato.stanford.edu/archives/sum2018/entries/aristotle-ethics/>
- Michalos, A. C. (1996). Migration and the quality of life: A review essay. *Social Indicators Research*, 39(2), 121-166.
- Moreno, L. (2017, September 8). Concepts, definitions and data sources for the study of urbanization: the 2030. New York. Didapatkan November 21, 2019, daripada <https://www.un.org/en/development/desa/population/events/pdf/expert/27/papers/II/paper-Moreno-final.pdf>
- O'Connor, K. (1980). The analysis of journey to work patterns in human geography. *Progress in Geography*, 4(4), 475-499.
- Peterson, M., & Malhotra, N. (2000). Country segmentation based on objective quality-of-life measures. *International Marketing Review*, 17(1), 56-73.
- Rashid, M. F., & Ghani, I. A. (2007). Migrasi dan kemiskinan bandar: Suatu kajian literatur. *Seminar Kebangsaan Pembangunan Persekutuan & Masyarakat 2007* (hlm. 1-11). Pulau Pinang: PKPPM.
- Reissman, L. (1964). *The urban process: Cities in industrial societies*. New York: Free Press of Glencoe.
- Sen, A. (1981). Public action and the quality of life in developing countries . *Oxford Bulletin of Economics and Statistics*, 43(4), 287-319.
- Shaban, A., & Abdallah, M. K. (2006). Use of remote sensing and GIS to determine recharge potential zones: the case of Occidental Lebanon. *Hydrogeology Journal*, 14(4), 433-443.
- Tönnies, F. (1887). Community and society. Dalam *The urban sociology reader* (hlm. 16-30). New York: Routledge.
- Unit Perancang Ekonomi. (2016). The Malaysian Well-Being Index. *Happiness and Well-Being Seminar* (hlm. 1-25). Kuala Lumpur: Institute of Public Administration & Embassy of Denmark Kuala Lumpur.
- United Nation. (2017, Februari 9). *These are the world's fastest growing cities. They've got something else in common*. Didapatkan November 23, 2019, daripada World Economic Forum: <https://www.weforum.org/agenda/2017/02/the-world-s-fastest-growing-cities/>
- Veenhoven, R. (1999). Quality-of-life in individualistic society. *Social indicators research*, 48(2), 159-188.
- Weber, A. F. (1926). *The Growth of Cities*. 1899. New York : Columbia University.
- Zainal, N. R., Kaur, G., Ahmad, N., & Khalili, J. M. (2012). Housing conditions and quality of life of the urban poor in Malaysia. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 50(2012), 827-838.
- Zhang, Y. (2016). *Urbanization, Inequality, and Poverty in the People's Republic of China*. Tokyo: Asian Development Bank Institute. Didapatkan November 22, 2019, daripada <https://www.adb.org/sites/default/files/publication/189132/adbi-wp584.pdf>
- Zidanšek, A. (2007). Sustainable development and happiness in nations. *Energy*, 32(6), 891-897.